

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 (**31**)
Tarikh : **7** November 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2019**

**PENGECUALIAN MENGIKUTI KELAS PERALIHAN DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN BAGI MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA [SJK(C)] DAN
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL [SJK(T)]**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pengecualian mengikuti kelas peralihan di sekolah menengah kebangsaan bagi murid SJK(C) dan SJK(T). Pelaksanaan pengecualian ini melibatkan murid arus perdana dan murid berkeperluan khas.

2. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - 2.1 telah menamatkan persekolahan di Tahun 6; dan
 - 2.2 telah mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan memperoleh keputusan seperti yang berikut:
 - 2.2.1 mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu - Pemahaman (SK) dan Bahasa Melayu - Penulisan (SK); atau
 - 2.2.2 mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu - Pemahaman [SJK(C)] dan Bahasa Melayu - Penulisan [SJK(C)]; atau
 - 2.2.3. mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu - Pemahaman [SJK(T)] dan Bahasa Melayu - Penulisan [SJK(T)].

3. Syarat-syarat pada para 2 adalah muktamad dan **gred mata pelajaran lain tidak diambil kira** dalam membuat keputusan. Pihak sekolah mestilah menghantar senarai nama murid yang layak ke Tingkatan 1 ke pejabat pendidikan daerah (PPD)/ jabatan pendidikan negeri (JPN) masing-masing dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan UPSR diumumkan untuk mendapat kelulusan dan perakuan (Sila gunakan Lampiran A yang disertakan).

4. Surat siaran ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018 adalah dibatalkan.

5. YBhg. Datuk/ tuan/ puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ tuan/ puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Dr. AHMAD RAFFEE BIN CHE KASSIM)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k :

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

**SENARAI NAMA MURID DARI SJK(C)/ SJK(T) YANG LAYAK KE TINGKATAN SATU
TANPA MENGIKUTI KELAS PERALIHAN SESI PERSEKOLAHAN TAHUN _____**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI :

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH :

NAMA SEKOLAH :

BIL.	NAMA MURID	TARIKH LAHIR	NO. KAD PENGENALAN	KEPUTUSAN UPSR BAHASA MELAYU TAHUN _____						CATATAN
				011	012	021/ 031	022/ 032			
				GRED	GRED	GRED	GRED			

• Petunjuk:

- 1- 011- Bahasa Melayu- Pemahaman (SK)
- 2- 012- Bahasa Melayu- Penulisan (SK)
- 3- 021- Bahasa Melayu- Pemahaman [SJK(C)]
- 4- 022- Bahasa Melayu- Penulisan [SJK(C)]
- 5- 031- Bahasa Melayu- Pemahaman [SJK(T)]
- 6- 032- Bahasa Melayu- Penulisan [SJK(T)]

KAMI MEMGESAHKAN MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR

1. KETUA PANITIA BAHASA MELAYU:

TANDATANGAN:

NAMA:

3. GURU BESAR:

TANDATANGAN:

NAMA:

COP SEKOLAH:

2. GURU PENOLONG KANAN PENTADBIRAN:

TANDATANGAN:

NAMA: